

16 APR 2002

Fokus: Tadika

POLITIK MENJALAR MASUKI BILIK TADIKA ?

Oleh: Abdul Halim Taib

KUALA LUMPUR: Sejalan dengan era kebangkitan Islam, umat Islam di Malaysia sejak kebelakangan ini kelihatan begitu cenderung sekali untuk mendalami pengetahuan agama.

Ini dapat disaksikan daripada kemunculan begitu banyak taman bimbingan atau asuhan kanak-kanak yang diwujudkan oleh pelbagai pihak termasuk jabatan atau agensi kerajaan dan swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), parti politik atau orang perseorangan.

Pusat-pusat itu termasuk Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) serta Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) yang masing-masing dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) yang dikendalikan oleh parti PAS.

Matlamat penubuhan TADIKA dan TABIKA adalah jelas iaitu untuk memenuhi aspirasi negara membentuk dan melahirkan anak-anak yang mempunyai masa depan yang cemerlang serta memupuk generasi muda yang berilmu (dunia dan akhirat) dalam usaha membina sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, harmoni, berwawasan, maju dan dihormati.

Bagaimanapun, kemunculan PASTI bagi "cendawan tumbuh di musim hujan" telah mencetuskan banyak tanda tanya di kalangan sesetengah pemimpin dan anggota masyarakat termasuk motif dan objektif sebenarnya.

#### MATLAMAT ASAL DISELEWENGGAN

Ada kalangan yang mendakwa PAS telah cuba menyelewengkan matlamat asal penubuhan institusi pendidikan pra-sekolah dengan menggunakan PASTI untuk menanam sikap membenci pemimpin dalam sistem pengajarannya.

Ini mendorong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengeluarkan amaran kemungkinan kerajaan melarang PAS daripada mengendalikan pusat-pusat asuhan itu jika ia terus dijadikan tempat mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan, bukannya untuk mengajar agama sebenar.

Dr Mahathir berkata, kajian akan dibuat sama ada memperkenalkan undang-undang baru atau meminda undang-undang sedia ada bagi mengawasi agar matlamat penubuhan pusat pra-sekolah tidak diselewengkan.

Kenyataan Perdana Menteri itu memang wajar dan kena pada masanya kerana jika ia tidak dikawal dari kecil, lama-kelamaan gejala itu akan menular dan mungkin membawa kesan yang negatif kepada negara.

Beberapa peristiwa yang berlaku di negara ini ternyata mempunyai unsur-unsur negatif yang boleh dikaitkan dengan gejala membenci pemimpin dan kerajaan. Ia termasuk peristiwa rampasan senjata tentera oleh kumpulan Al-Maunah dan beberapa siri keganasan oleh Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Semua itu harus dijadikan iktibar dan jalan terbaik mengatasinya ialah dengan mengawal dan menghapuskan gejala itu sejak daripada awal lagi agar ia tidak sempat menular.

#### BIDANG KUASA NEGERI

Pensyarah Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antrabangsa Malaysia (UIAM) Dr Abdul Aziz Bari berkata, pada masa ini penubuhan pusat pendidikan pra sekolah yang mengajar pendidikan agama terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Justeru itu, tindakan untuk meminda undang-undang yang berkaitan dengannya mungkin mudah dilakukan di negeri-negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional tetapi agak sukar di negeri-negeri yang dikuasai oleh PAS

iaitu Kelantan dan Terengganu.

Dr Abdul Aziz berkata, memandangkan perkara itu bersangkutan dengan agama, sebuah jawatankuasa di bawah Majlis Raja-raja perlu dibentuk bagi menjalankan siasatan untuk memastikan sejauh mana benarnya dakwaan bahawa PASTI dijadikan tempat menanam kebencian kepada pemimpin-pemimpin kerajaan.

Menurutnya, kerajaan juga perlu menyiasat bilangan sebenar kelas PASTI di seluruh negara dan sama ada masing-masing bergerak di atas landasan yang betul.

Katanya, kerajaan juga seharusnya mencari jawapan kenapa masih terdapat sebilangan anggota masyarakat yang terus menghantar anak masing-masing ke kelas PASTI.

"Kita perlu mengetahui adakah kurikulum yang digunakan di TADIKA kerajaan sekarang kurang berkesan dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak pra-sekolah?" tanya beliau.

Ketua Sekretariat Tetap Agama Pergerakan Pemuda Umno Shamsul Najmi Shamsuddin pula mencadangkan agar PASTI tidak ditutup tetapi sebaliknya dijadikan kelas bimbingan pra-sekolah alternatif dengan memasukkan guru-guru kerajaan sepenuhnya atau separa penuh ke dalamnya.

#### PENYERAGAMAN KURIKULUM

Beliau berkata, kurikulum di semua kelas pra-sekolah juga mestilah seragam dan diluluskan oleh kerajaan.

"Dengan cara itu sahaja kerajaan dapat mengawal unsur-unsur negatif daripada menguasai pemikiran kanak-kanak yang masih mentah," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Fakrul Azam Yahaya berkata, jabatannya telah mengambil tindakan susulan mengenai saranan Perdana Menteri itu dan telahpun menyerahkannya kepada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).

Katanya, JAIS juga telah mengeluarkan arahan supaya kelas-kelas PASTI di seluruh Selangor ditutup sejak Jun tahun lepas.

Sebaliknya, Mursyidul Am Pas, Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat menafikan dakwaan kononnya kelas-kelas PASTI digunakan oleh parti itu untuk menyemai kebencian terhadap pemimpin dan kerajaan.

"Walau apapun, kita bersedia menyingkirkan mana-mana guru PASTI yang terbukti menghasut murid supaya membenci pihak tertentu," katanya.

Menurut Nik Aziz, peranan yang diamanahkan kepada tenaga pengajar PASTI adalah jelas iaitu mendidik generasi muda tentang asas pembelajaran iaitu menulis, mengaji dan mengenali Allah.

Dalam pada itu, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk merangka modul kurikulum yang sesuai dan guru-guru yang berkelayakan bagi digunakan di taman-taman pendidikan seumpama itu.

#### RANCANGAN JANGKA PANJANG

Pada masa yang sama kementerian itu juga berhasrat untuk membuka sebanyak 1,500 buah kelas pra-sekolah setiap tahun melalui rancangan pembangunan pendidikan jangka panjangnya.

Jurucakap KEMAS pula berkata, kurikulum yang diajar di TABIKA yang dikelola oleh jabatan itu sama dengan apa yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Tata Kenegaraan dan Agama Islam.

Pada masa ini KEMAS mengendalikan 8,003 buah TABIKA di seluruh negara membabitkan 224,183 pelajar berumur 5 hingga 6 tahun dan 7,779 orang guru.

HT AM